



---

**PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2013**

---

**TATACARA BAGI CALON YANG GAGAL TEMU DUGA  
PELANTIKAN KE JAWATAN TETAP  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara baharu yang perlu diikuti oleh calon yang gagal temu duga pelantikan tetap Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP).

**KATEGORI CALON**

2. Kategori calon yang ditemu duga oleh SPP untuk pelantikan tetap PPP ialah:
  - (a) Guru Sandaran Terlatih (GST);
  - (b) pegawai sedang berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD);
  - (c) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Sementara/Kontrak;
  - (d) calon baharu lepasan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA);

- (e) calon sedang berkhidmat di agensi lain; dan
- (f) calon yang pernah meletakkan jawatan dari jawatan terdahulu.

### **TATACARA SEMASA**

3. Tatacara pelantikan semasa bagi calon yang gagal temu duga adalah mengikut peruntukan dalam Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bilangan 3 Tahun 2008 iaitu:
  - (a) calon yang gagal temu duga kali pertama akan dimaklumkan sebab gagal temu duga;
  - (b) surat dikeluarkan meminta Ketua Jabatan menyelia dan memantau prestasi calon bagi tempoh tidak kurang dari 6 bulan;
  - (c) calon gagal temu duga kali pertama akan dipanggil temu duga kali kedua tidak lewat daripada 12 bulan setelah mendapat laporan penilaian daripada Ketua Jabatan; dan
  - (d) sekiranya calon gagal temu duga kali kedua, keputusannya dimaklumkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk tindakan lanjut.

### **TATACARA BAHARU**

4. Suruhanjaya telah menetapkan tatacara baharu bagi semua kategori calon yang gagal temu duga seperti yang berikut:
  - (a) calon dimaklumkan akan kegagalannya; dan
  - (b) calon boleh memohon semula selepas enam bulan dari tarikh keputusan Suruhanjaya melalui Portal JobsMalaysia.
5. Tempoh enam bulan yang diberikan oleh Suruhanjaya untuk memohon semula bertujuan memberi peluang kepada calon memperbaiki kelemahan diri.

6. Walau bagaimanapun, panggilan temu duga adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan mengikut opsyen.

## **PEMBATALAN**

7. Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Pengambilan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bilangan 4 Tahun 2006 dan Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bilangan 3 Tahun 2008 adalah dibatalkan.

## **TARIKH KUATKUASA**

8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(SULAIMAN BIN WAK)**

Setiausaha  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran  
Malaysia

Tarikh: 8 Mei 2013

### **Edaran kepada:**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia  
Aras 8, Blok E8, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia Aras 8,  
Blok E8, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**

**Salinan kepada:**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 6-7, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**

Setiausaha  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Kementerian Pelajaran Malaysia  
Aras 1-5 dan 12-14, Blok E12, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**

Semua Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri

Urus Setia Cawangan Sabah  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia  
Aras 1, Blok A,  
Peti Surat 11359,  
Kompleks Kerajaan Persekutuan Sabah,  
Jalan UMS-Sulaman, Likas,  
88450 Kota Kinabalu  
**SABAH**

Urus Setia Cawangan Sarawak  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia  
Tingkat 4, Wisma Satria BDC,  
Lorong B, Jalan Stutong,  
93350 Kuching  
**SARAWAK**